

Language L.36

Bahasa Melayu



مركز المعلومات الإسلامي
Islamic Information Center

لتعريف بالإسلام

Version Date: September 2022



Part of the



Learn more about Islam with our informative and educational materials, translated to over 50+ languages

@islamicidxb



CONTENTS



PENGENALAN KEPADA ISLAM

BAHASA MELAYU (01/05) نبذة عن الإسلام FREE COPY

-  GAYA HIDUP PRAKTIKAL DAN SEIMBANG
-  HUBUNGAN LANGSUNG DENGAN TUHAN
-  KONSEP KETUHANAN YANG SUCI DAN JELAS
-  MESEJ YANG UNIVERSAL DAN SESUAI SEPANJANG ZAMAN

  *Your Path To Peace..*  **مركز المعلومات الإسلامي**
Islamic Information Center
التعريف بالإسلام

تصريح رقم: (2017/139) دائرة الشؤون الإسلامية والعمل الخيري Islamic Affairs & Charitable Activities Department 

www.islamicic.com



APA ITU ISLAM?

Islam adalah untuk mempercayai dan menyembah Tuhan yang Satu (“Allah” dalam Bahasa Arab) serta menerima Nabi Muhammad (S.A.W.) sebagai Rasul terakhir.



Dianggarkan bahawa suku (23%) populasi dunia ialah Muslim – lebih 1.5 billion orang Islam.



Penganut agama Islam dikenali sebagai Muslim yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan etnik.

SIKAP DAN KEYAKINAN

Tuhan mengajak kita untuk mengenaliNya melalui tanda-tandaNya. Tuhan telah memberikan tanggungjawab ke atas kita untuk mengenaliNya. Ini merupakan salah satu ujian kehidupan. Tiada hujah yang boleh membuat seseorang itu percaya jika dia tidak mempunyai sikap yang betul.

- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ✓ OBJEKTIVITI, KETERBUKAAN MINDA DAN RENDAH DIRI ✓ KEIKHLASAN DAN KESEDERHANAAN ✓ MERENUNG TENTANG MATLAMAT HIDUP ✓ MENERIMA TANDA-TANDA TUHAN | <ul style="list-style-type: none"> Memutuskan untuk tidak percaya ❌ Bangga dan Angkuh ❌ Hanya fokus pada aspek material ❌ Menganggap segalanya tidak bermakna ❌ |
|---|---|

Sebab Pertama Asal Kejadian Alam

Sebab pertama untuk mempercayai Tuhan berkaitan dengan asal kejadian alam semesta.

Bagaimana alam semesta wujud?

- ❌ Adakah alam dijadikan dari ketiadaan? **Sesuatu yang ada tidak boleh datang daripada sesuatu yang tiada. Jadi, sudah pasti tidak.**
- ❌ Adakah ia mencipta diri sendiri? **Tidak, ini tidak rasional. Ini seperti mengatakan bahawa seorang ibu melahirkan dirinya sendiri.**
- ❌ Adakah ia wujud sejak azali tanpa permulaan? **Tidak, sains moden telah membuat kesimpulan bahawa alam semesta ini mempunyai permulaan dan ia tidak wujud sejak azali.**
- ✓ Adakah ia dicipta? **Ya. Orang Islam percaya bahawa sesuatu yang di luar kerangka alam ini yang menciptanya – Tuhan yang Maha Pencipta.**

Soalan: Siapa yang mencipta Tuhan?

Jawapan: Tuhan tidak dicipta. Tuhan itu abadi yang sentiasa wujud dan tidak ada permulaan, bukan seperti alam semesta dan makhluk-makhluk yang lain.



Sebab Kedua **Sistem Alam**

Satu lagi sebab mudah untuk mempercayai Tuhan adalah dengan memikirkan tentang sistem alam semesta menerusi logik-logik berikut:

1. Apa-apa benda yang sistematik dan tersusun menandakan kebijaksanaan.

2. Sistem solar kita sangat tersusun dengan aturan, sistem, dan corak yang begitu rumit.

3. Susunan alam semesta kita yang begitu teliti dan rumit menunjukkan kebijaksanaan Maha Pencipta.

Sangat banyak ciri-ciri bumi yang membuktikan bahawa ia dicipta khusus untuk menanggung kehidupan. Sekiranya ciri-ciri ini berubah walau sedikit, tiada suatu benda pun boleh meneruskan kehidupan di atasnya. Contohnya:



Lapisan Ozon



Ketebalan kerak bumi



Peratusan oksigen di udara



Jarak dari matahari



Saiz relatif matahari, bumi & bulan

Mungkinkah alam yang sebegini kompleks tercipta secara kebetulan tanpa ada yang mengawalinya? Harus ditegaskan di sini bahawa Islam menggalakkan kajian saintifik. Sains membantu untuk menerangkan bagaimana alam ini berfungsi mengikut corak yang telah ditetapkan oleh Penciptanya. Dari situ lahirnya rasa syukur atas kehebatan serta kebijaksanaan Tuhan.

Sebab Ketiga **Wahyu - Quran**

Al-Quran mengemukakan hujah yang kukuh bagi membuktikan kewujudan Tuhan. Malah, cara penyampaian hujah-hujah ini yang penuh bijaksana, jelas dan tepat tidak boleh ditandingi oleh hujah-hujah lain.



Tiada kesilapan dan percanggahan



Penerangan yang jelas tentang Tuhan



Kemuncak kesasteraan Arab



Diwahyukan melalui Nabi Muhammad yang buta huruf



Terpelihara dan tiada perubahan selama 1400 tahun



Persepsi mendalam mengenai kelakuan manusia



Dihafal oleh jutaan manusia



Mempunyai fakta-fakta saintifik yang tidak diketahui pada masa itu

Dan pada bumi ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah) bagi orang-orang (yang mahu mencapai pengetahuan) yang yakin; Dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)? Quran 51:20-21



SIAPAKAH TUHAN?

Salah satu keindahan Islam adalah ia mengiktiraf kesempurnaan lengkap, kebesaran dan keunikan Tuhan tanpa kompromi sama sekali.

- Tuhan adalah satu, unik dan tiada saingan, pasangan atau anak.
- Tuhan itu berhak disembah - secara langsung dan eksklusif (tanpa perantara)
- Tuhan itu sempurna dan tiada kecacatan bagiNya - Tiada had atau kelemahan.
- Tuhan itu Maha Penyayang - Dia mengetahui bahawa kita tidak sempurna dan melakukan dosa. Walau bagaimanapun, penting bagi kita untuk selalu mengakui kesilapan dan meminta keampunan dengan ikhlas.
- Tiada bahagian dari Tuhan wujud dalam ciptaanNya dan tiada sesiapa yang berkongsi bersamaNya sifat-sifatNya yang ilahi.

Apabila ingin memahami konsep ketuhanan dalam Islam, penting bagi kita untuk membincangkan tentang kedudukan Nabi Isa memandangkan tersebar nya kekeliruan tentang baginda.

Islam meletakkan Nabi Isa sebagai nabi yang disanjung dan baginda ialah salah satu Rasul Allah. Walau bagaimanapun, orang Islam tidak menyembah baginda kerana penyembahan adalah hanya bagi Allah sahaja, Pencipta nabi Isa dan benda-benda lain di alam semesta. Oleh itu, kepercayaan bahawa Isa ialah Tuhan, anak Tuhan atau sebahagian dari trinititi sangat bertentangan dengan konsep ketuhanan dalam Islam.

Sekiranya Nabi Isa ialah Tuhan, kepada siapakah yang dia akan menyembah?

Terdapat banyak contoh dalam ajaran Kristian yang merakamkan kata-kata Isa yang membuktikan dia bukan Tuhan. Contoh, Nabi Isa sendiri menyembah Tuhan.

Bagaimana Tuhan boleh jadi sempurna dan tidak sempurna?

Nabi Isa dilahirkan, makan, tidur dan mempunyai ilmu yang terhad dan semua ciri-ciri ini tidak sesuai untuk Tuhan. Tuhan mempunyai sifat-sifat yang lengkap dan sempurna sedangkan manusia tidak.

Apakah yang dimaksudkan dengan istilah "Anak Tuhan" sebenarnya?

Kami mendapati istilah "anak Tuhan" merupakan simbolik yang digunakan dalam bahasa kitab Bible yang terdahulu bagi merujuk kepada orang yang soleh (tidak eksklusif untuk Isa sahaja). Jauh sekali bagi Tuhan untuk mempunyai anak secara fizikal dan hakiki.

S: Sekiranya Tuhan boleh berbuat apa sahaja, kenapa Dia tidak boleh jadi seorang manusia?

J: Tuhan sentiasa mengekalkan sifat-sifat yang sempurna dan tidak melakukan apa-apa yang akan menjejaskan kesempurnaan ini. Dalam erti kata lain, Tuhan tidak melakukan perbuatan yang tidak selayaknya bagi Tuhan. Jika Tuhan menjadi manusia dan bersifat seperti manusia, maka dia sudah bukan Tuhan.



RAMAI NABI	1 MISI
<p>NABI ADAM NABI NUH NABI IBRAHIM NABI MUSA NABI ISA NABI MUHAMMAD +DAN LAIN-LAIN SELAWAT DAN SALAM KE ATAS MEREKA</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menekankan konsep Tuhan yang Esa • Menolak tuhan-tuhan dan kepercayaan yang palsu • Menunjukkan tatacara menyembah Tuhan • Menjadi teladan • Menerangkan tentang ganjaran bagi amal ketaatan (syurga) • Memberi amaran tentang hukuman bagi keingkaran (neraka)

Tuhan telah mengutus nabi-nabi kepada setiap bangsa sepanjang zaman dengan satu mesej yang utama (tauhid). Walaupun orang Islam menyayangi dan menghormati setiap nabi, mereka tidak menyembah atau meletakkan sifat ketuhanan kepada para nabi ini kerana ini semua hanya layak bagi Tuhan sahaja.

MATLAMAT HIDUP

Tuhan Yang Maha Bijaksana tidak mencipta kita untuk bersenang lenang tanpa arah tuju atau sekadar memenuhi naluri asas dan keinginan kita. Sebaliknya, kita mempunyai matlamat yang lebih tinggi iaitu untuk mempercayai dan menyembah Tuhan sahaja supaya kita hidup atas bimbingan Tuhan kita. Dengan bimbingan ini, kita mampu hidup dengan tenang dan mampu berjaya dalam segala aspek hidup.

Ia merupakan sebahagian daripada kebijaksanaan Tuhan tatkala Dia menciptakan kita, memberikan peluang untuk mengenaliNya, menjalani kehidupan dan membuat pilihan sendiri.

Islam adalah cara hidup yang lengkap dan praktikal. Ia mengajar kita supaya menjadi manusia yang seimbang, sederhana dan menyumbang kepada masyarakat. Konsep ibadat dalam Islam tidak terhad kepada sembahyang dan doa kepada Tuhan sahaja. Ibadat merangkumi semua perbuatan yang mendatangkan redha Allah. Contohnya seperti di bawah.

- Bekerja dengan Jujur
- Menentang Penindasan
- Menjaga Anak-Anak Yatim
- Menjaga Alam Sekitar
- Mempunyai Kesabaran dan Rendah Diri
- Menyebar Kebajikan dalam Masyarakat
- Menghormati Ibu Bapa
- Menegakkan Keadilan
- Berlaku Baik kepada Jiran
- Mengingati Tuhan
- Menyara Keluarga
- Bercakap Benar

Amal ibadah perlu dilakukan dengan niat ikhlas semata-mata untuk mendapat keredaan Tuhan dan mesti dilakukan dengan cara yang betul mengikut garis panduan Islam.



APA YANG ISLAM KATAKAN TENTANG...

- **Wanita:** Wanita mempunyai kedudukan yang tinggi dalam Islam. Mereka dilayan dengan penuh kasih sayang dan penghormatan. Mereka adalah pasangan bagi para lelaki, dan tidak boleh ditindas sama sekali.
- **Keganasan:** Islam membenarkan peperangan bagi mengekalkan kesejahteraan masyarakat, mengelakkan penindasan tersebar serta mempromosikan keadilan. Walau bagaimanapun, perbuatan menyerang orang yang tidak bersalah dikira sebagai perbuatan keji yang dilarang sama sekali.
- **Makanan halal:** Makanan-makanan halal ialah makanan yang boleh dimakan oleh orang Islam. Daging haiwan perlu disembelih dengan penuh perikemanusiaan dan nama Tuhan perlu disebut ketika penyembelihan itu.
- **Evolusi:** Tuhan telah menciptakan manusia pertama iaitu Nabi Adam dengan sempurna (berlawanan dengan teori evolusi buruk). Perkara ini tidak boleh disahkan atau dinafikan secara langsung oleh sains kerana ini merupakan kejadian yang ajaib dan unik. Manakala sumber-sumber Islam tidak memberi sebarang maklumat khusus mengenai kejadian makhluk-makhluk selain manusia. Kita cuma beriman dan percaya bahawa Tuhan mencipta mereka dalam apa jua cara yang dikehendakiNya.



HOTLINE

+971 56 204 2045



islamicicdx



islamicic.com info@islamicic.com +971 4 355 5223

DOWNLOAD BAHASA MELAYU FLYER
www.icdx.com/melayu

CONTENTS



Konsep TUHAN dalam Islam

BAHASA MELAYU (02/05) مفهوم الإله في الإسلام FREE COPY

Tidak ada sesuatu yang lebih agung daripada

Pencipta

www.islamicic.com

دائرة الشؤون الإسلامية والعمل الخيري | Islamic Affairs & Charitable Activities Department (2017/139)

www.daralber.ae

الإمارات THE EMIRATES

Your Path To Peace..

مركز المعلومات الإسلامي Islamic Information Center
لتعزيز الإسلام



Wujudkah tuhan?

Terdapat banyak alasan rasional untuk mempercayai kewujudan Tuhan. Berikut adalah tiga alasan yang sangat mudah.

1. Sistem Alam

Bayangkan anda sedang berjalan di persisiran pantai. Tiba-tiba anda terjumpa sebuah jam tangan. Adakah anda percaya bahawa jam tangan itu terhasil dengan sendirinya? Anda tidak akan menyimpulkan bahawa jam tangan itu muncul daripada pasir secara kebetulan. Komponen-komponen kompleks di dalamnya tidak terhasil dengan sendiri daripada bahan mentah dalam perut bumi. Pasti jam itu ada pembuatnya. Jam yang berfungsi untuk menunjukkan masa juga membuktikan bahawa pembuatnya mestilah seorang yang pandai. Semata-mata kebetulan tidak boleh mencipta jam yang berfungsi dengan begitu tepat dan teliti.

Lihatlah bumi yang beredar mengelilingi matahari dengan perkiraan yang amat tepat dan teliti sehingga membolehkan para saintis menetapkan waktu matahari terbit dan terbenam. Jika sebuah jam yang menunjukkan waktu mempunyai pembuat, begitu juga bumi mesti mempunyai pencipta yang menetapkan peredarannya mengelilingi matahari. Mungkinkah semua ini terjadi dengan sendiri?

Samalah juga apabila kita melihat sistem-sistem yang terdapat dalam tubuh badan manusia serta di seluruh alam semesta, adakah tidak rasional bahawa alam semesta mempunyai pengaturannya? 'Pengatur' ini tidak lain dan tidak bukan ialah Tuhan yang mencipta, memerintah dan mengatur alam.

2. Asal Kejadian Alam

Sains moden membuktikan bahawa alam semesta ada permulaan. Ini berdasarkan penemuan baharu bahawa alam ini sentiasa berkembang. Jika kita kembali dalam masa, alam semesta akan kembali kepada titik permulaannya. Ada tiga kemungkinan bagi menjelaskan asal kejadian alam:

1. Alam wujud dengan sendiri.
2. Alam mencipta dirinya sendiri.
3. Alam dicipta oleh penciptanya.

Pengalaman manusia membuktikan bahawa sesuatu yang ada permulaan tidak mungkin terjadi dengan sendirinya.



Adapun kemungkinan kedua, dengan logik mudah kita memahami bahawa suatu benda tidak boleh lakukan apa-apa sebelum ia wujud. Maka tinggal kemungkinan ketiga sahaja menjadi tafsiran yang paling rasional; bahawa wujudnya Pencipta yang berkuasa dan berilmu untuk mencipta alam.

Sebahagian orang mungkin bertanya, “Siapa pula yang mencipta Tuhan?” Tuhan tidak sama seperti ciptaanNya. Jika tuhan sama seperti makhluk ciptaan, maka tuhan juga perlukan kepada pencipta. Ini membawa kepada kewujudan bilangan pencipta-pencipta yang tidak berpenghujung sama sekali. Tuhan itu di luar kawalan masa dan kerangka fizikal alam ini. Tuhan sentiasa wujud dan tidak ada permulaan. Oleh sebab itu soalan siapa pencipta tuhan adalah tidak rasional.

3. Wahyu dari Tuhan

Terdapat banyak bukti yang menunjukkan Al-Quran itu wahyu daripada Tuhan. Beberapa bukti tersebut diringkas seperti di bawah:

Jika Tuhan menurunkan kitab yang memberi petunjuk kepada manusia, pastinya ia mengandungi hujah kukuh tentang kewujudan tuhan.

- Meskipun Al-Quran diturunkan lebih 1400 tahun dahulu, di dalamnya terdapat fakta-fakta sains yang hanya ditemui oleh ilmu sains moden. Contohnya: semua organisma hidup berasal daripada air (Quran 21:30); alam semesta sentiasa berkembang (Quran 51:47); kewujudan orbit matahari dan bulan (Quran 21:33).
- Al-Quran mengandungi fakta sejarah yang tidak diketahui oleh masyarakat zaman itu dan juga ramalan peristiwa yang terbukti kebenarannya.
- Al-Quran bebas daripada kesalahan dan percanggahan.
- Al-Quran terpelihara dalam teks dan bahasa asalnya, iaitu Bahasa Arab, tanpa sebarang perubahan. Hal ini tidak boleh dikatakan pada kitab lain yang tidak lagi wujud dalam bentuk aslinya.
- Mesej Al-Quran yang suci, mudah dan universal sangat sesuai dengan fitrah manusia yang percaya pada Tuhan.
- Al-Quran diturunkan pada Nabi Muhammad s.a.w yang buta huruf. Namun gaya bahasa Al-Quran amatlah unik sehingga ia diterima umum sebagai kemuncak kesasteraan Arab.

Penjelasan terbaik bagi aspek-aspek unik Al-Quran ini adalah ia wahyu daripada Tuhan.



Siapakah Tuhan?

*“Dan Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa, tiada Tuhan (yang berhak disembah) selain dari Allah”
Quran 2:163*

“Allah” adalah nama Tuhan yang Maha Esa. Ia tidak boleh diberikan kepada selainNya. Nama ini tidak ada jantina dan tidak boleh dijamak. Berbeza dengan perkataan “God” dalam Bahasa Inggeris yang boleh diubah jantina kepada perempuan (goddess) dan boleh dijamak (gods). Keunikan nama “Allah” mencerminkan penekanan agama Islam terhadap konsep keesaan tuhan yang suci.

Keindahan utama Islam terletak di kepercayaan penganutnya kepada Kesempurnaan, Kehebatan dan Keunikan Tuhan itu sendiri. Ini dapat dilihat pada ajaran Islam tentang nama-nama dan sifat-sifat Tuhan.

Allah maha esa

- Allah tidak mempunyai sekutu atau saingan.
- Allah tidak mempunyai bapa, ibu, anak dan pasangan.
- Hanya Allah yang berhak disembah.
- Kewujudan berbilang-bilang Tuhan hanya mencerminkan kekurangan kuasa Tuhan sendiri kerana ia menunjukkan Tuhan bersaing, berkompromi atau terpaksa mendapatkan persetujuan Tuhan lain.

Allah maha kuasa

- Allah Maha Kuasa ke atas semua perkara.
- Sekalian makhluk bergantung padaNya.
- Ketaatan makhluk tidak menambah kuasa Tuhan sebagaimana keingkaran mereka tidak mengurangkan kuasaNya walau sedikit.

Allah maha tinggi

- Tiada sesuatu pun yang lebih tinggi atau setaraf dengan Allah.
- Sifat-sifat Allah tidak menyerupai sifat-sifat makhlukNya.
- Allah tidak menjelma dalam mana-mana makhlukNya.
- Allah Maha Sempurna dan tidak ada keterbatasan manusia seperti berehat pada hari ketujuh setelah mencipta alam, sebagaimana dipercayai oleh agama lain.



Allah maha adil dan mengasihani

- Allah tidak perlu mengorbankan diriNya untuk mengampuni kesalahan dan tiada sesiapa lahir menanggung dosa.
- Allah mengadili semua orang berdasarkan amalan yang dikerjakan dan setiap orang bertanggungjawab atas tingkah laku masing-masing.
- Manusia meraih keredaan Tuhan dengan iman dan amal, bukan dengan bangsa, harta atau pangkat.

Nabi Isa a.s.

Sebahagian penganut Kristian percaya akan “Ketuhanan Isa” – bahawa Isa adalah jelmaan Tuhan di bumi.

Namun kitab Injil menampilkan Isa sebagai seorang yang dilahirkan, makan, tidur, beribadat dan mempunyai pengetahuan yang terbatas. Semua sifat ini tidak layak untuk Tuhan. Tuhan bersifat dengan kesempurnaan sedangkan manusia jauh sekali dari itu. Maka bagaimana seseorang itu menjadi dua benda yang bertentangan pada satu masa? Tidak rasional.

Soalan yang mungkin diajukan, “Kalau Tuhan mampu melakukan apa sahaja, mengapa tidak boleh menjelma sebagai manusia? Secara asasnya, Tuhan tidak melakukan perbuatan yang tidak selayaknya bagi Tuhan. Jika Tuhan menjadi manusia dan bersifat seperti manusia, maka dia sudah bukan Tuhan.

Selain itu, terdapat ayat-ayat dalam Injil yang merakamkan kata-kata Isa yang membuktikan dia bukan Tuhan. Misalnya, Isa berkata “tetapi kamu semua ingin membunuh aku, seorang manusia yang membawa kebenaran yang dia dengar dari Tuhannya” [John 8;40]

Sebahagian penganut Kristian percaya “Isa anak Tuhan”. Namun apa makna sebenar kepercayaan ini?

Semestinya Tuhan maha suci daripada mempunyai anak secara fizikal. Sebaliknya, kita dapati dalam bahasa awal kitab Injil bahawa kalimah “Anak Tuhan” digunakan secara simbolik untuk merujuk kepada “orang-orang soleh”.

Istilah ini digunakan di banyak tempat dalam Perjanjian Lama (Old Testament) untuk orang-orang soleh seperti Daud, Sulaiman dan Israel, bukan untuk Isa sahaja.

“...Israel anak pertamaku” (Exodus 4:22) sebagai contoh.

“Tiadalah layak bagi Allah mempunyai anak. Maha Suci Dia” Quran 19:35

Ajaran Islam menjelaskan siapa sebenarnya Isa tanpa mencemari kepercayaan pada Tuhan dan keagunganNya. Beliau merupakan seorang nabi mulia yang diutus oleh Allah untuk mengajak manusia kepada pengabdian diri hanya kepada Allah.

Adalah penting juga untuk membincangkan kedudukan nabi Isa a.s. ketika membicarakan konsep ketuhanan dalam Islam, lantaran wujudnya kekeliruan tentang hal ini.



Hanya Allah berhak disembah

“Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua” Al-Nisaa:36

Islam mengajarkan supaya semua bentuk ibadat hanya ditujukan kepada Allah. Tiada suatu pun selainNya berhak untuk disembah: berhala, kuburan, matahari, bulan, haiwan, nabi, wali, malaikat, paderi atau alim ulamak. Semua ini makhluk yang terbatas dan tidak sempurna sedangkan Allah itu Maha Sempurna.

Tuhan disembah secara langsung tanpa perantaraan

Allah tidak berhajat kepada sekutu mahupun perantaraan. Semua orang mempunyai hubungan secara langsung dengan Allah kerana Dia Maha Mendengar setiap doa yang ditujukan kepadaNya. Menyembah Allah melalui perantaraan (seperti patung, berhala atau selainnya) mencemari keesaan Allah dan ibadat yang hanya layak diberikan kepadaNya.

Semua nabi menyeru kepada penyembahan Tuhan

“Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (yang menyeru mereka): Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah tuhan-tuhan palsu” Al-Nahl:36

Orang Islam beriman dengan semua nabi dan rasul yang telah diutus oleh Allah. Mereka termasuk Nabi Adam, Nuh, Ibrahim, Musa, Isa dan Muhammad. Mereka membawa mesej yang sama – mengajak umat untuk beriman dan beribadat kepada Allah yang Maha Esa.

Matlamat kehidupan ialah mengabdikan diri pada Allah

Matlamat utama kehidupan ialah untuk mengenali keagungan Allah, menjalin hubungan langsung denganNya dan beribadat kepadaNya. Konsep ibadat dalam Islam tidaklah terhad kepada ritual keagamaan seperti solat dan puasa sahaja. Ibadat merangkumi semua perbuatan yang mendatangkan redha Allah seperti berakhlak mulia, jujur, adil, sabar dan saling membantu orang yang memerlukan.

Sebagai kesimpulan, asas utama agama Islam ialah keyakinan pada Keesaan dan Keunikan Allah, Tuhan serta Pencipta sekalian makhluk yang Maha Sempurna dengan sifat-sifatNya. Hanya Dia yang berhak disembah. Di sinilah letaknya kejayaan dunia dan akhirat.

 **HOTLINE**

+971 56 204 2045




islamicicdx

 islamicic.com @ info@islamicic.com  +971 4 355 5223



DOWNLOAD BAHASA MELAYU FLVFR
www.lcdxb.com/melayu

CONTENTS



NABI MUHAMMAD

(selawat dan salam ke atas baginda)

BAHASA MELAYU (03/05) النبي محمد ﷺ FREE COPY

Anda perlu tahu siapakah lelaki ini!

Dar Al Bar Society
www.daralbar.ae


الإمارات
THE EMIRATES

Your Path To Peace..

مركز المعلومات الإسلامي
Islamic Information Center
لتعريف بالإسلام

دائرة الشؤون الإسلامية والعمل الخيري
Islamic Affairs & Charitable Activities Department

www.islamicic.com



Siapakah (selawat dan salam ke atas baginda) Muhammad?

"Sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah dengan banyak."
[Al-Ahzab: 21]

Orang Islam beriman bahawa nabi Muhammad (selawat dan salam ke atas baginda) merupakan nabi terakhir dalam salasilah para nabi yang telah Allah utuskan untuk menyeru manusia menyembah Allah yang Satu. Antara para nabi ini ialah Adam, Nuh, Ibrahim, Ismail, Ishak, Yaakub, Yusuf, Musa, Daud, Sulaiman dan Isa (selawat dan salam ke atas mereka semua).

Sebagaimana orang-orang Islam beriman bahawa Musa (salam ke atas baginda) diutuskan bersamanya Taurat (wahyu asal kepada Musa yang tidak diubah) dan Isa (salam ke atas baginda) diutuskan bersamanya Injil (wahyu asal kepada Isa yang tidak diubah), orang Islam juga beriman bahawa nabi Muhammad (selawat dan salam ke atas baginda) diutuskan bersamanya Quran untuk menerangkan ajaran (kitab itu) kepada manusia agar mereka bertaqwa.


Isteri nabi (selawat dan salam ke atas baginda), Aishah telah ditanya tentang akhlak nabi. Maka beliau menjawab: "Baginda umpama Quran yang berjalan", bermaksud baginda sangat mengamalkan ajaran Quran dalam kehidupan sehariannya. Kita akan terangkan bagaimana baginda menzahirkan ajaran yang agung ini ke dalam perbuatannya yang mulia.

Rasul sebagai rahmat

Nabi (selawat dan salam ke atas baginda) tidak sekadar mengajak manusia untuk menunaikan solat, berpuasa dan mengeluarkan zakat, bahkan baginda (selawat dan salam ke atas baginda) juga mengajarkan bahawa iman seseorang kepada Allah perlu memberi kesan terhadap hubungannya dengan orang lain. Sabda nabi: "Sebaik-baik kamu adalah yang paling baik akhlaknya."

"Dan tidaklah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."
[Al-Anbiya: 107]

Banyak sabda nabi (selawat dan salam ke atas baginda) yang menekankan tentang kaitan antara iman dan amal, contohnya seperti sabda baginda: "Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, janganlah dia menyakiti jirannya, dan sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia memuliakan tetamunya, dan sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia berkata baik atau diam." Al-Bukhari (6018)



Penutup sekalian rasul ini juga telah mengajarkan manusia untuk saling berkasih-sayang dan menghormati sesama mereka, seperti sabdanya: "Siapa yang tidak mengasihi, dia tidak dikasihi." Al-Bukhari (5997)

Sebahagian sahabat baginda meminta kepada nabi (selawat dan salam ke atasnya) agar memohon kepada Allah supaya menimpakan azab ke atas para musyrik, maka jawab baginda: "Aku tidak diutuskan sebagai pelaknat tetapi aku diutuskan sebagai rahmat." Muslim (2599)

Kemaafan

Nabi (selawat dan salam ke atas baginda) merupakan manusia yang paling pemaaf dan baik hati. Apabila seseorang menyakitinya, baginda akan memaafkannya. Semakin bertambah gangguan seseorang terhadapnya, semakin bertambah kesabarannya. Baginda juga sangat bertoleransi dan pemaaf lebih-lebih lagi ketika baginda ada kelebihan dan kuasa untuk membalas.

"Dan (sebaliknya) hendaklah mereka memaafkan serta melupakan kesalahan orang-orang itu; tidakkah kamu suka supaya Allah mengampunkan dosa kamu?"
[An-Nur: 22]

Nabi (selawat dan salam ke atas baginda) sentiasa memaafkan dan akan memaafkan walau sebesar mana gangguan dan cercaan terhadapnya. Baginda merupakan teladan terbaik dalam bersikap pemaaf, toleransi dan berbuat baik, seperti yang dinyatakan dalam firman Allah Ta'ala:

"Terimalah apa yang mudah engkau lakukan, dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya)." [Al-A'raf: 199]

Kesamaan

Dalam hadis-hadis berikut, nabi mengajarkan bahawa semua manusia sama di sisi Allah.

"Sesungguhnya yang paling mulia dalam kalangan kamu di sisi Allah adalah yang paling bertaqwa dalam kalangan kamu."
[Al-Hujurat: 13]

"Sesungguhnya bapa kalian semua ialah Adam, dan Adam (dicipta) dari tanah. Bangsa arab tidaklah lebih unggul berbanding bangsa asing, begitu juga yang berkulit hitam tidaklah lebih unggul berbanding kulit putih, melainkan dengan taqwa." Ahmad (23489)

"Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada penampilan dan harta kamu, tetapi Allah melihat pada jantung hati dan amalan-amalan kamu." Muslim (2564)

Ada seorang sahabat nabi (selawat dan salam ke atas baginda) yang memanggil sahabat lain dengan panggilan yang tidak sepatutnya: "Wahai anak wanita hitam!" Lantas nabi (selawat dan salam ke atas baginda) pun marah lalu bersabda: "Adakah engkau merendhaknya disebabkan ibunya yang hitam? Engkau masih mempunyai saki-baki tinggalan jahiliah!" Al-Bukhari (30)



Toleransi

“Usah balas keburukan dengan keburukan, tetapi hadapilah ia dengan kemaafan dan kebaikan.” Al-Bukhari (4838) Beginilah cara utusan terakhir (selawat dan salam ke atas baginda) berinteraksi dengan serangan peribadi dan cercaan musuh.

“Dan tidaklah sama (kesannya dan hukumnya) perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib.”
[Fussilat: 34]

Sumber-sumber Islam mengandungi beberapa situasi di mana nabi berpeluang untuk membalas semula perbuatan orang yang menyakiti dan berbuat jahat kepadanya. Namun, baginda enggan melakukannya.

Baginda telah mengajar manusia agar bersabar dalam menghadapi kesusahan: “Orang yang kuat itu bukanlah orang yang kuat dalam pertarungan, tetapi orang yang kuat itu ialah orang yang mengawal dirinya ketika marah.” Al-Bukhari (6114)

Berakhlak degan sifat sabar dan toleransi tidak bermakna seseorang Muslim itu menjadi pasif dan tidak mempertahankan dirinya ketika diserang. Sabda nabi (selawat dan salam ke atas baginda): “Usah engkau berharap untuk menemui musuh, tetapi apabila engkau bertemu musuh, bersabarlah (berdiri teguh dalam menghadapi mereka).” Al-Bukhari (2966)

Kelembutan


Seorang sahabat yang berkhidmat kepada nabi (selawat dan salam ke atas baginda) selama 10 tahun berkata bahawa baginda sentiasa berlemah-lembut dengannya. “Apabila aku melakukan sesuatu, baginda tidak pernah mempersoalkan cara aku melakukannya; dan apabila aku tidak melakukan sesuatu, baginda tidak pernah mempersoalkan kegagalan aku melakukannya.” Ahmad (12748). Baginda merupakan orang yang paling mesra di kalangan manusia.

“Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.”
[Ali-‘Imran: 159]

Salah seorang isteri nabi (selawat dan salam ke atas baginda) memberikan reaksi marah (membalas cercaan) selepas dicerca seseorang.

Baginda (selawat dan salam ke atas baginda) pun menasihati isterinya, lalu berkata: “Tenang wahai Aishah, sesungguhnya Allah itu Maha Lembut dan menyukai kelembutan dalam setiap urusan.” Al-Bukhari (6024)

Baginda juga bersabda: “Apabila ada kelembutan dalam sesuatu, ia memperindahkannya, dan apabila kelembutan digugurkan dari sesuatu, ia akan memburukkannya.” Muslim (2594)



Merendah diri

Nabi (selawat dan salam ke atas baginda) sering menegah orang lain berdiri untuk menyanjungnya. Baginda biasa duduk di mana sahaja tempat yang kosong dalam sesebuah majlis dan tidak pernah memakai pakaian yang menonjol. Baginda juga biasa bergaul dengan orang fakir dan miskin, duduk bersama orang-orang tua dan membantu para janda. Orang yang tidak mengenali baginda tidak akan dapat membezakannya dengan orang lain.

“Dan hamba-hamba (Allah) Ar-Rahman (yang diredhaiNya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan rendah diri, dan apabila orang-orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini.”
[Al-Furqan: 63]

Baginda berkata kepada para sahabatnya: “Allah telah mewahyukan agar kalian bersikap merendah diri. Tiada sesiapa pun yang patut merasa bangga melebihi yang lain dan tiada sesiapa pun patut menyakiti yang lain.” Muslim (2865)

Antara isyarat yang menunjukkan sikap rendah diri baginda ialah baginda khawatir akan disembah, yang mana perbuatan ini hanya berhak untuk Allah sahaja. Sabda baginda (selawat dan salam ke atas baginda):

“Jangan kalian memuji aku sebagaimana orang Nasrani memuji ‘Isa bin Maryam. Sesungguhnya aku ialah hamba, maka panggillah aku dengan hamba Allah dan rasulNya.” Al-Bukhari (3445)

Suami yang ideal

Kata Aishah (moga Allah meredainya) yang merupakan isteri kesayangan nabi:

“Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik.”
[An-Nisa’: 19]

“Nabi sentiasa berkhidmat untuk ahli keluarganya, menjahit pakaiannya, membaiki seliparnya, dan melakukan kerja harian di rumah sebagaimana kalian melakukannya di rumah.” Ahmad (25341)

Nabi bukan hanya suami yang penyayang, bahkan baginda turut menggalakkan para sahabatnya untuk mengikuti jejaknya:

“Mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya dan paling penyayang terhadap isterinya.” Ahmad (24204)



Teladan yang baik

*"Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia."
[Al-Qalam: 4]*

Semua yang telah disebutkan sebelum ini hanyalah secebis dari kisah hidup nabi Muhammad (selawat dan salam ke atas baginda). Contoh-contoh sifat kebaikan dan belas kasihan yang telah disebutkan mungkin mengejutkan sebahagian manusia disebabkan imej Islam yang sering digambarkan media adalah buruk dan songsang.

Jika kita mahu memahami agama Islam, menjadi suatu kemestian untuk kita merujuk terus kepada sumber-sumbernya yang asli: Al-Quran, sabda dan perbuatan nabi Muhammad (selawat dan salam ke atas baginda), bahkan tidak adil untuk seseorang menilai (agama Islam) berdasarkan kesalahan penganutnya.

Pendapat orang bukan Islam terhadap nabi

Kata Mahatma Gandhi, seorang pemimpin politik dan spiritual gerakan pembebasan India berkata: "Kerendahan diri yang teguh, kesetiiaannya yang luar biasa kepada janji, dedikasi dan keikhlasannya terhadap para sahabat dan pengikutnya, keberaniannya, kepercayaannya yang mutlak kepada Tuhan dan kepada risalahnya. Inilah karakter yang dapat mempermudah perjalanan dan merungkai permasalahan, bukanlah dengan mengangkat pedang."

Seorang penulis British, George Bernard Shaw berkata: "Dunia ini sangat berhajat kepada seorang lelaki seperti Muhammad dalam menyelesaikan isu-isu. Orang-orang agama di abad pertengahan telah menggambarkan beliau dengan sangat buruk kerana kejahilan dan ketaksuban mereka, disebabkan mereka sering menganggap baginda musuh kepada agama Kristian. Namun selepas aku meneliti kisah lelaki ini, aku dapati ia sangat mengagumkan dan ajaib. Aku dapat simpulkan bahawa beliau tidak pernah menjadi musuh Kristian dan berhak digelar sebagai penyelamat manusia. Pada pendapat aku, jika beliau diberi kekuasaan untuk mentadbir dunia hari ini, nescaya beliau akan menyelesaikan masalah kita dan menjamin keamanan serta kebahagiaan yang manusia sangat dambakan. Kalaulah beliau mentadbir bumi Eropah, beliau akan merawat segala permasalahan yang ada, bahkan berhak digelar sebagai wira kemanusiaan."

Butiran/Maklumat Untuk Derma (Sila nyatakan kandungan yang anda inginkan di bahagian bawah risalah ini)

 **HOTLINE**

+971 56 204 2045



islamicicdx

 islamicic.com @ info@islamicic.com  +971 4 355 5223



DOWNLOAD BAHASA MELAYU FLVER
www.lcdxb.com/melayu

CONTENTS



Salah Faham Terhadap

ISLAM

BAHASA MELAYU

(04/05) مفاهيم خاطئة حول الإسلام

FREE COPY

Apa yang anda benar-benar tahu tentang Islam?




Your Path To Peace..



دائرة الشؤون الإسلامية والعمل الخيري | Islamic Affairs & Charitable Activities Department

www.islamicic.com



Pengenalan

Islam merupakan antara agama terbesar di dunia. Namun begitu Islam juga agama yang paling banyak disalahfahami oleh manusia. Banyak salah faham terhadap Islam tersebar disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk faktor politik, ekonomi, media berat sebelah atau takut pada “yang lain”. Kunci utama untuk memahami Islam dan penganutnya ialah dengan menolak segala stereotaip dan menilai setiap situasi itu berdasarkan sumber ajaran Islam yang sebenar.

Salah faham 1 – “Orang Islam Tidak Berlaku Baik kepada Orang Bukan Islam”

Sesetengah pihak mendakwa bahawa ajaran Islam tidak serasi dengan nilai-nilai “Barat”. Alangkah jauhnya dakwaan ini daripada kebenaran.

Orang Islam menghargai nilai-nilai murni yang bersifat universal seperti:

- Jujur dan adil
- Berpegang pada janji
- Kebebasan beragama
- Menghormati ibu bapa, ahli keluarga, jiran tetangga dan warga tua
- Bermurah hati dan menjaga kebajikan orang miskin yang serba kekurangan
- Mengambil berat tentang jiran tetangga
- Tidak berdusta, menipu, mencarut atau mengumpat

Orang Islam dianjurkan untuk menyumbang kebaikan kepada masyarakat serta berakhlak baik.


“Orang yang terbaik di kalangan kamu ialah yang paling tinggi akhlak dan tingkah lakunya.” Ahmad (24204) – Hadis Rasulullah s.a.w.

Salah Faham 2 – Orang Islam menyembah Tuhan baru yang bernama “Allah”

Kalimah Allah ialah kalimah bahasa arab yang merujuk kepada Tuhan. Ia merupakan kalimah yang mempunyai makna yang agung, yang hanya layak ditujukan kepada Allah Yang Maha Esa. Ia juga merupakan kalimah yang sama dituturkan oleh orang Nasrani dan Yahudi yang berbangsa Arab ketika mereka merujuk kepada sembahannya mereka.

Walaupun orang Islam, Yahudi dan Nasrani percaya kepada Tuhan yang sama (Sang Pencipta), konsep mereka berkenaan Tuhan sangat berbeza. Contohnya, orang Islam mengingkari kewujudan ayah dan anak bagi Tuhan, atau Tuhan merupakan sebahagian dari trinititi. Orang Islam menyandarkan kesempurnaan hanya kepada Allah.

Orang Islam menyembah Tuhan yang sama seperti apa yang disembah oleh para nabi terdahulu; Nuh, Ibrahim, Musa dan Isa.



Salah Faham 3 – “Islam menggalakkan terorisme (keganasan)”

Media sering menggambarkan mana-mana orang Islam sebagai seorang pejuang keganasan, sama ada mereka berjuang dengan adil atau tidak, atau mereka menekan orang lain atau ditekan.

Ketika perang, perbuatan menyasarkan orang yang tidak bersalah dan tidak terlibat dengan perang adalah suatu perkara yang haram. Bahkan, orang Islam tidak dibenarkan memusnahkan tumbuh-tumbuhan dan membunuh haiwan-haiwan, apatah lagi membunuh orang yang tidak bersalah. Walau bagaimanapun, penting untuk kita membezakan antara keganasan dan perbuatan mempertahankan diri yang disyariatkan kerana dua perkara ini sangat berbeza.

Al-Quran secara jelas telah menyatakan perbuatan membunuh orang yang tidak bersalah merupakan suatu perkara yang serius, dan sangat menekankan nilai nyawa manusia.

“Bahawa sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya. dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya.” [Al-Maidah: 32]

Salah Faham 4 – “Islam menindas wanita”

Dalam Islam, lelaki dan perempuan setara di sisi Allah, dari sudut pahala, balasan dan perhitungan amalan. Perkara yang membezakan seseorang dengan yang lain hanya taqwa.

“Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu.” [Al-Hujurat: 13]

Ayat ini membuktikan bahawa kemuliaan sebenar tidak berkait dengan kemiskinan dan kekayaan seseorang, hitam atau putih, mahupun lelaki atau wanita, tetapi (ia diukur) dengan taqwa dan kebaikan.

Islam telah memberikan wanita haknya, memuliakan mereka dan berlaku adil seperti memberikan mereka hak untuk meminta upah yang sama, memilih pasangan, menuntut ilmu dan memohon penceraian serta mendapat bahagian dalam harta warisan.

Apa yang menyedihkan adalah ada wanita beragama Islam yang ditindas dan tidak diberikan hak. Ini bukanlah salah agama Islam. Masalah ini berpunca dari sebahagian amalan budaya dan tradisi masyarakat di sesetengah negara yang langsung tiada kaitan dengan Islam.

Allah telah menciptakan kedua-dua jantina, memberikan tanggungjawab dan peranan yang berbeza bagi keduanya selari dengan tabiat masing-masing.



Salah Faham 5 – “Quran hanya sekadar buku sejarah dan syair”

Quran merupakan kalam Allah, yang diwahyukan kepada nabi Muhammad (selawat dan salam ke atas baginda), melalui perantaraan malaikat Jibril. Ia merupakan pemisah antara kebenaran dan kebatilan. Ia juga mengandungi petunjuk dan panduan buat manusia. Quran juga menceritakan ibrah dan pengajaran dari kisah-kisah para rasul dan umat-umat terdahulu sebagai pedoman dari pengalaman mereka. Quran juga mengkhabarkan tentang Allah, diri kita dan tujuan penciptaan kita iaitu bertujuan mentauhidkan Allah, Tuhan sekalian alam.

Sebaik-baik cara untuk tahu apa yang diajarkan Quran adalah dengan anda membacanya sendiri.

Allah tidak menciptakan kita sia-sia dan meninggalkan kita terbiar. Ujian keimanan seseorang adalah bagaimana dia menggunakan akal, kehendak dan pemikirannya untuk mengenal tanda-tanda kewujudan Tuhan. Antara tandanya yang paling agung ialah Quran.

Quran mengandungi banyak mukjizat, supaya kita tidak ragu-ragu yang ia benar-benar diturunkan oleh Tuhan.

Salah Faham 6 – “Hijab bersifat menindas”



Tentang hijab, wanita Islam diperintahkan untuk menutup aurat dan tidak mempamerkan perhiasan mereka di hadapan lelaki yang bukan mahram.

Walau bagaimanapun, hijab bukanlah semata-mata tentang penampilan luaran, ia juga tentang percakapan yang baik, kesopanan dan akhlak yang mulia.

Meskipun terdapat banyak kebaikan hijab, sebab utama wanita Islam mengenakan hijab kerana ia perintah dari Allah, dan Dia tahu apa yang terbaik untuk para hambaNya.

Hijab memperkasakan wanita dari sudut menekankan keindahan spiritual berbanding kecantikan paras rupa. Islam memberikan wanita kebebasan untuk menjadi anggota masyarakat dengan syarat memelihara kesopanan mereka.

Hijab bukanlah simbol penindasan dan paksaan. Sebaliknya ia merupakan pelindung dari pandangan para lelaki yang jahat lagi bernafsu, serta pelindung dari diskriminasi yang tidak adil. Oleh itu, tatkala anda melihat wanita Islam, maka ketahuilah bahawa dia hanya menutup jasadnya, bukan akal dan fikirannya.



Salah Faham 7- “Semua orang Islam ialah orang Arab”

Hanya 20% di kalangan orang Islam ialah orang Arab, dan ini menunjukkan 80% lagi bukan dari kalangan Arab. Contohnya, terdapat lebih ramai orang Islam dari India dan Indonesia berbanding orang Arab yang beragama Islam.

Islam mengajarkan tiada sesiapa yang lebih mulia hanya kerana faktor bangsa atau warna. Islam menegah segala bentuk rasisme. Islam mempunyai mesej universal bagi sekalian manusia bahawa kebahagiaan yang hakiki hanya akan dicapai dengan mentauhidkan Allah dan beramal sesuai petunjuknya.

Salah Faham 8 – “Jihad ialah terorisme (keganasan)”

Prinsip jihad ialah mengerah tenaga dan berkorban di jalan Allah yang telah Dia syariatkan. Perkataan jihad merujuk kepada mengerah tenaga dan bersabar. Maka ia mencakupi segala amalan kebaikan dan menginfakkan diri ke jalan kebaikan, termasuk jihad dengan hati, lisan dan anggota badan untuk melawan hawa nafsu, syaitan dan orang kafir. Kategori jihad yang paling dikenali ialah jihad peperangan yang diharuskan untuk memelihara keselamatan dan keamanan orang ramai, menghalang musuh, menegakkan hak serta keadilan. Jihad boleh terjadi dalam bentuk ofensif atau defensif bergantung kepada keadaan.

Salah Faham 9 – “Orang Islam menyembah Muhammad atau Dewa Bulan”

Adapun salah faham bahawa orang Islam menyembah nabi Muhammad (selawat dan salam ke atas baginda), ia menyalahi hakikat yang sebenar. Perkara ini dengan mudah dapat disangkal dengan sabda nabi sendiri: “Jangan kalian memuji aku sebagaimana orang Nasrani memuji ‘Isa bin Maryam. Sesungguhnya aku ialah hamba, maka katakanlah hamba Allah dan rasulnya.” Al-Bukhari (3445)

Antara ajaran Islam adalah menghormati kesemua rasul dan nabi, namun tidaklah bermakna kita menyembah mereka.

Terdapat dakwaan yang salah bahawa orang Islam menyembah Dewa Bulan. Perbuatan menyembah bulan, matahari atau selain dari Allah merupakan syirik dalam Islam.

Firman Allah Ta’ala: “Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan, dan sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menciptakannya, kalau benarlah kamu hanya beribadat kepada Allah.” [Fussilat: 37]

Islam menetapkan kesempurnaan, keagungan dan keesaan yang mutlak hanya bagi Allah. Dia Tuhan Yang Maha Adil Lagi Penyayang. Beribadah dan mentauhidkanNya merupakan dasar utama Islam seperti yang disebutkan dalam Quran dan hadis nabi.



Salah Faham 10 – “Islam membenarkan kahwin paksa”

Perkahwinan secara paksa merupakan adat budaya yang mendominasi di sesetengah negara dalam dunia ini. Meskipun perkahwinan paksa tidak terhad kepada orang Islam sahaja, namun ia telah dikaitkan secara tidak betul dengan Islam kerana tujuan yang jahat.

Dalam Islam, lelaki dan wanita mempunyai hak untuk memilih dan menolak calon pasangan mereka. Sabda nabi (selawat dan salam ke atas baginda): “Seorang janda lebih berhak ke atas dirinya berbanding walinya. Seorang dara perlu dirujuk dan diamnya menunjukkan keizinannya.” Muslim (1421)

Salah Faham 11 – “Islam memaksa manusia untuk menjadi Muslim”

Walaupun menjadi suatu kewajiban untuk orang Islam berdakwah dan menyebarkan Islam kepada orang lain, tiada seorang pun yang boleh dipaksa untuk menganutnya. Wajib bagi sesiapa yang ingin menganut agama Islam untuk beriman dan mentaati Allah dengan keyakinan yang sempurna, secara sukarela dan benar-benar ikhlas. Oleh itu, tiada siapa yang boleh memaksa seseorang untuk masuk Islam.

Fikirkan sejenak:

- Indonesia mempunyai populasi orang Islam yang paling ramai, namun tiada pertumpahan darah berlaku untuk membawa Islam ke sana.
- Terdapat sekitar 14 juta orang Kristian Koptik berbangsa Arab yang telah hidup di negara arab berkurun lamanya.
- Islam merupakan antara agama yang paling cepat tersebar di dunia barat hari ini.
- Meskipun memerangi keganasan dan mempromosi keadilan merupakan sebab yang kukuh untuk mengisytiharkan jihad, memaksa orang menganut agama Islam bukanlah antara sebab yang disyariatkan dalam Islam.
- Orang Islam memerintah Sepanyol sekitar 800 tahun, namun tidak pernah memaksa orang untuk menganut agama Islam.

Kesimpulan

Mempelajari Islam dari sumber yang tidak dipercayai sangat berbahaya dan membawa kepada gambaran yang silap dan stereotaip yang pelbagai. Jangan terpedaya untuk percaya stereotaip tersebut sehingga benar-benar dipastikan dari sumber yang asli dan betul. Mustahil agama yang dianuti lebih dari suku bilangan penduduk dunia ini agama yang hodoh seperti yang digambarkan oleh media yang berat sebelah.

Sesungguhnya ia merupakan agama yang sejahtera dan rahmat. Inti agama ini patut dikaji dengan mendalam dan diteliti secara rasional sebelum dinilai.

Firman Allah: “Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur).”
[Al-Baqarah: 256]

 **HOTLINE**

+971 56 204 2045




islamicicdx

 islamicic.com @ info@islamicic.com  +971 4 355 5223



DOWNLOAD BAHASA MELAYU FLVFR
www.icdx.com/melayu

CONTENTS



HAK WANITA MENURUT ISLAM

BAHASA MELAYU (05/05) حقوق المرأة في الإسلام FREE COPY

*Dihormati.
Disanjung.
Dihargai.
Pelajari asas-asas.*




Your Path To Peace..

مركز المعلومات الإسلامي
Islamic Information Center

لتشريف الإسلام

دائرة الشؤون الإسلامية والعمل الخيري | Islamic Affairs & Charitable Activities Department

www.islamicic.com



PENGENALAN

Ramai menganggap bahawa Islam menghina, menindas dan menzalimi wanita - namun, adakah ini benar? Benarkah jutaan umat Islam begitu kejam sekali atau adakah semua ini hanya permainan media yang prejudis?

"Dan para wanita itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka dengan cara yang sepatutnya"

Al-Baqarah:228

Lebih 1400 tahun yang lalu, Islam telah pun memberikan pelbagai hak kepada kaum wanita, sedangkan Barat baru sahaja memberikannya. Sekitar tahun 1930-an, Annie Besant pernah berkata, "**Hanya dalam dua puluh tahun terakhir ini sahaja agama Kristian di England telah mengiktiraf hak wanita terhadap harta, sedangkan Islam telah membenarkan hak ini dari dahulu. Adalah fitnah untuk mengatakan bahawa ajaran Islam**

mengatakan wanita tidak ada jiwa." (The Life and Teachings of Muhammad, 1932)

Kedua-dua kaum lelaki dan wanita berasal daripada satu, iaitu nabi Adam a.s. Agama Islam hanya mengajarkan keadilan dan layanan baik untuk lelaki dan wanita.

Ganjaran dan Tanggungjawab yang Sama

Dalam Islam, tiada perbezaan ibadat antara lelaki dan wanita. Ini bermakna, lelaki dan wanita menyembah tuhan yang Esa, dengan tatacara yang serupa, berpandukan kitab suci yang satu dengan kepercayaan yang sama. Allah (nama Tuhan yang benar dalam Bahasa Arab) sama sekali tidak menzalimi. Bahkan, begitu banyak ayat suci Al-Quran yang menekankan keadilan dalam ganjaran dan tanggungjawab untuk lelaki dan wanita:

Allah menjanjikan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, (akan beroleh) Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka kekal di dalamnya dan beroleh tempat-tempat yang baik di dalam "Syurga Adn"

Al-Tawbah:72

"**Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang-orang yang beramal dari kalangan kamu, samada lelaki atau perempuan, (kerana) setengah kamu (adalah keturunan) dari setengahnya yang lain"**

Al-Imran:195

Ayat-ayat ini menjelaskan bahawa ganjaran diberikan hanya berdasarkan amalan yang dikerjakan dan jantina tidak memainkan apa-apa peranan sekalipun.

CONTENTS



Islam juga sangat adil terhadap kedua-dua jantina jika dibandingkan dengan agama-agama lain. Islam tidak melihat Hawa lebih bersalah daripada Adam sewaktu mereka makan pohon terlarang itu, misalnya. Mereka berdua tersilap, lantas segera bertaubat dan akhirnya diampunkan.

Hak Sama Rata dalam Menimba Ilmu

Lelaki dan perempuan amat digalakkan untuk menuntut ilmu secara sama rata. Nabi Muhammad s.a.w bersabda, **“Menuntut ilmu adalah kewajipan setiap Muslim.”** Sahih Al Jami’ (3913)

Tambahan pula, ramai wanita di zaman Nabi Muhammad s.a.w menjadi ilmuwan terkemuka. Mereka terdiri daripada ahli keluarga nabi, para sahabatnya serta anak-anak mereka. Di antara yang menonjol seperti isteri baginda s.a.w. Aisyah, yang ternyata seperempat ilmu Islam telah sampai kepada kita hanya melalui beliau seorang.

Sebahagian ilmuwan wanita ini juga menjadi guru kepada tokoh-tokoh ilmu besar dari kalangan kaum lelaki.

Hak Sama Rata untuk Memilih Pasangan


Wanita juga dimuliakan apabila Islam memberi kepadanya hak memilih pasangan hidup dan hak mengekalkan nama keluarga setelah berkahwin. Namun, ramai beranggapan bahawa ibu bapa berhak memaksa perkahwinan ke atas anak perempuan. Hakikatnya, amalan ini semata-mata adat sebahagian keluarga yang dilarang agama.

Pernah seorang wanita datang berjumpa Nabi Muhammad s.a.w dan berkata, “Wahai Rasulullah, bapaku memaksa aku berkahwin dengan sepupuku untuk meninggikan statusnya dalam masyarakat.” Rasulullah pun segera memanggil bapa wanita itu dan baginda memberi pilihan kepada wanita tersebut untuk meneruskan perkahwinan atau membatalkan. Wanita itu pun menjawab, “Wahai Rasulullah, aku terima apa yang telah bapaku lakukan. Aku bertindak seperti ini hanya untuk menunjukkan pada wanita lain (bahawa mereka tidak boleh dipaksa berkahwin).”

Adil Walau Berbeza

Lelaki dan wanita menikmati hak sama rata secara asasnya. Walaubagaimanapun, setiap mereka diberikan hak dan tanggungjawab tertentu yang tidak semestinya sama atau serupa. Setiap hak dan tanggungjawab ini saling melengkapi antara satu sama lain.

CONTENTS



Selain daripada perbezaan anatomi luaran dan dalaman yang jelas, para saintis juga sudah mengenalpasti perbezaan antara lelaki dan perempuan dalam memproses informasi, bahasa, emosi dan lain-lain.

Edward O. Wilson, seorang pakar sosio-biologi dari Universiti Harvard berkata, para wanita lebih cenderung untuk tinggi dalam kemahiran lisan, empati dan kemahiran sosial antara lainnya. Manakala para lelaki lebih cenderung untuk tinggi dalam perkara lain seperti berdikari, berdominasi, kemahiran reruang, matematik, lebih agresif bila melibatkan pangkat dan ciri-ciri lain.

Oleh itu, adalah salah jika layanan sama rata diberikan kepada kedua-dua jantina tanpa mengira perbezaan yang ada di antara mereka. Islam mengajar bahawa peranan yang dimainkan oleh setiap lelaki dan wanita itu adalah berbeza, sesuai dengan sifat masing-masing, dan semua saling melengkapi antara satu dengan lain.

"Dan memanglah tidak sama lelaki dengan perempuan"

Al-Imran:36

"Tidakkah Allah yang menciptakan itu mengetahui (segalanya)? Sedang Dia Maha Halus urusan PentadbiranNya, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya."

Al-Mulk:14

Institusi Keluarga

Allah telah mencipta lelaki dan wanita berbeza. Kemahiran, peranan serta tanggungjawab masing-masing adalah unik. Perbezaan tidak bermaksud salah satu jantina mempunyai kelebihan ke atas yang lain. Sebaliknya, ia menunjukkan peranan khusus yang dimainkan oleh setiap jantina. Islam mengutamakan kesejahteraan institusi keluarga. Tanggungjawab lelaki ialah menjaga kestabilan kewangan keluarga. Sementara wanita pula berperanan memelihara kesejahteraan fizikal, pendidikan dan emosi keluarga. Saling bekerjasama, bukan bersaing. Melalui kerjasama ini lahirlah keluarga utuh yang menjadi nadi masyarakat utuh.

Juga, lelaki dan wanita tidak dapat menikmati kehidupan yang bahagia tanpa satu sama lain. Allah menerangkan hal ini dengan begitu indah dalam firmanNya:

Pakaian memberi keselesaan, kehangatan, keamanan, serta membuat seseorang kelihatan lebih cantik. Begitulah fungsi hubungan suami dan isteri menurut Islam.

"Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka"

Al-Baqarah:187



KASIH SAYANG SUAMI ISTERI

Rasulullah s.a.w. menasihati para lelaki supaya sentiasa berbuat baik kepada pasangan. Sabdanya s.a.w, "Lelaki terbaik dari kalangan kamu ialah dia yang paling baik terhadap pasangannya." Hadith sahih riwayat Tirmidhi: 3895

Aishah (isteri baginda s.a.w) pernah ditanya tentang keperibadian Nabi s.a.w di rumah. Beliau menjawab, "Baginda seperti kalian di rumah. Baginda sangat lembut lagi pemurah. Baginda sentiasa sedia untuk menghulur bantuan kepada isteri membuat kerja rumah; baginda menjahit pakaian sendiri dan membaiki kasut sendiri." Hadith Sahih riwayat Ahmad: 25341. Pasti baginda nabi s.a.w sentiasa membantu para isterinya dalam apa jua pekerjaan di rumah.

"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan rahmatNya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu, isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berfikir."

Al-Rum:21

KEDUDUKAN TINGGI PARA IBU DAN ANAK PEREMPUAN

Seorang ibu mempunyai pengaruh terbesar pada anak terutama pada usia kecil dengan penjagaan, cinta dan kasih sayang yang dicurahkan. Tiada syak lagi bahawa kejayaan sesebuah masyarakat adalah disebabkan oleh pengorbanan ibu-ibu. Oleh itu, tidaklah aneh apabila Islam memberi penghormatan tertinggi pada mereka.

Allah berfirman dalam Al-Quran:

Rasulullah s.a.w pernah ditanya: "Wahai Rasulullah, siapakah yang paling layak menerima layanan baik aku? Baginda menjawab, "Ibumu". Lelaki itu bertanya lagi sebanyak dua kali, "Setelah itu siapa?" Rasulullah memberikan jawapan yang sama. Apabila ditanya kali keempat baginda pun berkata, "Setelah itu ayahmu."

(Sahih Bukhari:5971)

"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah."

Al-Ahqaf:15



Bukan layanan baik terhadap ibu sahaja menjanjikan pahala besar. Bahkan, ganjaran membesarkan anak perempuan juga lebih istimewa daripada ganjaran membesarkan anak lelaki.

Rasulullah s.a.w bersabda: "Sesiapa yang Allah kurniakan kepadanya dua orang anak perempuan lalu dia berbuat baik pada keduanya, pastinya itu akan membawa dia ke syurga." (Ahmad:11384)

KESIMPULAN

Sebelum kedatangan Islam, wanita dilihat suatu keaiban. Anak perempuan ditanam hidup-hidup, pelacuran berleluasa, kuasa menceraikan hanya hak suami, pewarisan harta milik yang kuat sahaja dan kezaliman tersebar luas. Islam menghapus kesemuanya. Kini beberapa negara membangun pun masih tidak memberi wanita hak yang mereka selayaknya terima. Sebaliknya, nilai wanita dalam Islam amatlah tinggi. Mereka tidak dihina atau dimalukan. Punca sebenar kes-kes penganiayaan terhadap wanita yang berlaku di sesetengah negara timur tengah atau dalam segelintir keluarga Muslim adalah pengamalan budaya yang bercanggah dengan ajaran agama Islam. Mengapa begitu ramai wanita seluruh dunia memeluk Islam sekiranya agama ini menganiaya mereka?

Kita akhiri dengan kalam Tuhan kita semua, Sang Pencipta dan Pemberi rezeki kepada seluruh manusia:

"Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah) ... Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar."

Al-Ahzab:35

 **HOTLINE**

+971 56 204 2045



islamicicdx



 islamicic.com @ info@islamicic.com  +971 4 355 5223

DOWNLOAD BAHASA MELAYU FLVER
www.lcdxb.com/melayu



مركز المعلومات الإسلامي
Islamic Information Center

لتعريف بالإسلام

Part of the



ISLAMIC e-LIBRARY

Learn more about Islam with our informative and educational materials, translated to over 50+ languages



Quran



Flyers



Books

iicdxb.com/flyers

@islamicicdxb

